

Kerajaan jamin dasar kutipan cukai tidak bebbankan rakyat

Oleh **OMAR ZIN**

omar.zin@ediamulia.om.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan di bawah pentadbirannya tidak akan melaksanakan dasar kutipan cukai yang membebankan rakyat.

Perdana Menteri berkata, dasar percukaian negara berdasarkan dua prinsip asas iaitu mengenakan cukai apabila benar-benar perlu dan tidak dianggap sebagai beban kepada pembayar cukai.

“Percukaian itu perlu, tetapi kerajaan tidak seharusnya mengenakan cukai secara berlebihan dan membebankan rakyat.

“Niat kami, sudah tentu untuk menggalakkan mereka menjadi lebih produktif dan menyumbang kepada negara,” kata beliau ketika berucap merasmikan Persidangan Percu-

"Percukaian itu perlu, tetapi kerajaan tidak seharusnya mengenakan cukai secara berlebihan dan membebankan rakyat."

ANWAR IBRAHIM

kaian Kebangsaan 2023 anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Institut Percukaian Malaysia (CTIM) di ibu negara semalam.

Selain itu, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata,

kerajaan perlu memastikan cukai yang dikutip dibelanjakan dengan bijak tanpa ketirisan.

Kata beliau, kerajaan perlu melakukan beberapa perubahan termasuk dalam Bajet 2024 yang akan menentukan prinsip percukaian yang jelas dan kukuh.

“Dengan dasar cukai yang jelas, kerajaan berhasrat memastikan pelabur asing dan domestik melihatnya sebagai peluang untuk bekerjasama dari sudut perniagaan yang akan memberi gambaran kepada mereka.

“Pada masa yang sama, ia untuk menyemai rasa tanggungjawab, konsisten dengan konsep Madani, yang mempunyai peranan dalam keluarga, masyarakat dan negara,” kata beliau.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau terbuka

dengan sebarang pandangan tentang keperluan untuk melakukan pembaharuan dan perubahan terhadap dasar percukaian negara.

“Saya akan mendapatkan cadangan dan input daripada LHDN bagaimana untuk melaksana atau melaraskan beberapa dasar atau langkah percukaian baharu dengan berkesan.

“Apa yang lebih penting, saya berhasrat untuk menggalakkan pembayar cukai untuk menjadi lebih produktif dan menyumbang kepada negara.

“Tetapi seperti yang kita tahu, meningkatkan ekonomi dengan cita-cita sedemikian dan membantu kepada kebajikan golongan yang memerlukan dan terpinggir, institusi dan agensi percukaian mestilah sangat cekap, bersih berkesan,” katanya.